



---

**LAPORAN SIASATAN AWAM KE ATAS DAKWAAN  
PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA TERMASUK  
PENGUNAAN KEKERASAN YANG MELAMPAU SEBELUM DAN  
SEMASA PERHIMPUNAN PADA 9 JULAI 2011**

---

**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA  
(SUHAKAM)**

# BAB 1

## PENGENALAN

1. Pada 9 Julai 2011, satu perhimpunan ramai (selepas ini dirujuk sebagai "BERSIH 2.0") telah diadakan di Kuala Lumpur bagi menunjukkan sokongan terhadap tuntutan yang dibuat oleh Gabungan Pilihan raya Bersih dan Adil (selepas ini dirujuk sebagai BERSIH) supaya pilihan raya dijalankan secara adil dan bebas. Sebelum perhimpunan berkenaan diadakan, Kerajaan telah mengisytiharkan pergerakan tersebut sebagai sebuah entiti yang tidak sah dan pelbagai langkah pencegahan telah diambil oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) termasuk melakukan tangkapan terhadap individu-individu yang mempunyai kaitan dengan pergerakan berkenaan. Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan PDRM juga telah mengeluarkan beberapa kenyataan yang menyebut bahawa perhimpunan tersebut tidak sah kerana tidak mendapat permit di bawah Seksyen 27, Akta Polis 1964.
2. Selain itu, PDRM juga telah mendapatkan perintah mahkamah untuk melarang 91 individu daripada memasuki beberapa kawasan sekitar Kuala Lumpur bagi menghalang mereka menyertai perhimpunan berkenaan. Bagi tujuan tersebut, PDRM telah melakukan operasi secara besar-besaran bagi menyekat orang ramai yang ingin menyertai perhimpunan tersebut.
3. Bagaimanapun, kumpulan tersebut telah meneruskan juga rancangan mereka pada tarikh berkenaan dengan mengadakan perhimpunan di beberapa lokasi di sekitar bandaraya Kuala Lumpur, bermula lebih kurang jam 8 pagi dan berterusan sehingga lebih kurang jam 4 petang.
4. Ekoran daripada kejadian tersebut, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai "Suruhanjaya") telah menerima beberapa memorandum dan aduan daripada pelbagai pihak, iaitu pertubuhan atau individu berhubung dakwaan pelanggaran hak asasi manusia. Setelah mengambil kira kepentingan isu-isu yang dibangkitkan, Suruhanjaya telah mengambil keputusan pada 14 Julai 2011

untuk mengadakan satu Siasatan Awam berhubung dengan dakwaan pelanggaran hak asasi manusia yang mungkin berlaku di sepanjang perhimpunan tersebut.

5. Selaras dengan keputusan tersebut satu surat makluman telah dihantar oleh Suruhanjaya kepada PDRM bagi tujuan memaklumkan keputusan Suruhanjaya untuk menjalankan Siasatan Awam serta memohon kerjasama PDRM agar sudi membekalkan apa saja bahan bukti yang berkaitan, termasuklah senarai nama para pegawai dan anggota yang bertugas semasa perhimpunan tersebut dijalankan sekitar bandaraya Kuala Lumpur pada hari berkenaan, iaitu 9 Julai 2011.
6. Sebagai langkah untuk mengumpulkan maklumat daripada pelbagai pihak termasuk orang awam, media dan pertubuhan, Suruhanjaya telah mengeluarkan kenyataan akhbar menjemput sesiapa saja untuk tampil menjadi saksi dengan cara memberi keterangan yang boleh membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan tugas Siasatan Awam berkenaan.
7. Hasil daripada pengumuman tersebut, Suruhanjaya telah menerima sebanyak lapan (8) penyerahan awam (*Public Submission*), iaitu lima (5) daripada orang perseorangan dan tiga (3) daripada pertubuhan, masing-masing daripada Majlis Peguam, TENAGANITA dan gabungan antara Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) dan BERSIH, yang telah mengemukakan kepada Suruhanjaya senarai nama 36 individu yang bersedia untuk menjadi saksi.
8. Bagi tujuan Siasatan Awam berkenaan, satu Panel Siasatan telah dibentuk yang terdiri daripada Ahli-ahli Suruhanjaya berikut:-
  - Prof Datuk Dr Khaw Lake Tee (Pengerusi)
  - Prof Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi bin Hj Abd Majid (Ahli)
  - Encik Detta Anak Samen (Ahli)
9. Sebagai panduan umum kepada kerja-kerja berkenaan yang akan dilaksanakan oleh Panel tersebut Suruhanjaya telah menetapkan terma-terma rujukan seperti yang terdapat dalam jadual berikut:-

## **TERMA-TERMA RUJUKAN**

- a) Untuk menentukan sama ada terdapat sebarang pelanggaran hak asasi manusia ke atas mana-mana individu atau pihak sebelum dan semasa perhimpunan awam 9 Julai 2011;**
  
  - b) Jika pelanggaran hak asasi manusia berlaku, untuk menentukan:**
    - i. Bagaimana pelanggaran tersebut berlaku;**
    - ii. Apakah arahan dan tatacara pentadbiran, yang membawa kepada pelanggaran berkenaan undang-undang; dan**
  
    - iii. Siapakah individu atau agensi yang bertanggungjawab ke atas pelanggaran undang-undang sedemikian.**
  
  - c) Memberi cadangan serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan bahawa pelanggaran tersebut tidak berulang.**
10. Bagi melaksanakan tugas tersebut, Panel telah memanggil 14 orang saksi awam dan 17 orang saksi daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk memberi keterangan.
11. Panel juga telah menjemput PDRM, Jabatan Peguam Negara dan Majlis Peguam sebagai pemerhati serta membantu Panel dalam hal-hal tertentu sekiranya diperlukan. Walau bagaimanapun, hanya wakil-wakil dari PDRM dan Majlis Peguam yang hadir sepanjang pendengaran berlangsung kecuali pada 17 April 2012 yang mana Majlis Peguam tidak dapat hadir.
12. Panel juga ingin menegaskan bahawa walaupun perhimpunan ini tidak mendapat permit di bawah Seksyen 27, Akta Polis 1964 dan telah diisytiharkan oleh Kerajaan dan PDRM sebagai perhimpunan yang tidak sah, segala syor yang dikemukakan adalah terpakai sepenuhnya.

## **PENDENGARAN AWAM**

13. Bagi tujuan melaksanakan pendengaran awam, Panel telah memanggil seramai 31 orang saksi dan telah menerima 42 eksibit, termasuklah laporan perubatan, gambar dan rakaman video di sepanjang pendengaran berkenaan.
14. Siasatan Awam ini telah meneliti berbagai rakaman video dan gambar-gambar yang telah dikemukakan sebagai bahan bukti bagi menyokong kenyataan yang telah dibuat oleh saksi.
15. Sepanjang pendengaran tersebut sebanyak 16 sesi pendengaran telah diadakan di mana seramai 31 orang saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan. Sesi pendengaran tersebut telah bermula pada 11 Oktober 2011 dan berakhir pada 17 April 2012, iaitu dengan mengambil masa selama 16 hari di mana para saksi telah memberikan keterangan mereka di hadapan Panel. Selain itu, Panel juga telah mengadakan lawatan ke beberapa lokasi yang terlibat, iaitu Hospital Tung Shin, Hospital Bersalin Cina, Bukit Persekutuan dan KL Sentral bagi membolehkan Panel mendapat gambaran yang lebih jelas berkenaan keterangan yang diberikan oleh saksi.

### **Syor-syor Siasatan Awam yang terdahulu**

16. Panel mengambil maklum syor-syor yang telah dikemukakan oleh Suruhanjaya dalam Siasatan Awam yang terdahulu seperti "*Report of Suhakam Public Inquiry Into The Incident at KLCC On 28 May 2006*" dan Panel berpendapat bahawa syor-syor ini boleh digunapakai setakat mana ia masih relevan.

### **Batasan**

17. Penemuan yang dilakukan dalam Siasatan Awam ini adalah berdasarkan keterangan saksi dan bukti yang diserahkan kepada Panel. Panel mengambil maklum bahawa terdapat saksi lain terlibat dalam kejadian-kejadian yang dibawa ke perhatian Panel tetapi mereka tidak tampil untuk membantu Siasatan Awam ini.

18. Suruhanjaya telah menerima 36 nama individu berdasarkan penyerahan awam yang mungkin dapat membantu Siasatan Awam ini namun begitu daripada senarai tersebut hanya 11 orang saksi awam hadir untuk memberi keterangan di hadapan Panel.
19. Panel juga ingin menarik perhatian kepada kurangnya kerjasama dari PDRM di dalam mengenalpasti saksi penting yang dapat membantu Siasatan Awam ini.

## **BAB 2**

### **ORGANISASI DAN PERHIMPUNAN**

20. Perhimpunan BERSIH 2.0 yang diadakan pada 9 Julai 2011 itu telah dianjurkan oleh Gabungan Pilihan raya Bersih dan Adil (BERSIH), iaitu sebuah kumpulan yang dianggotai oleh 64 pertubuhan yang bermatlamat untuk menuntut perubahan ke atas sistem dan amalan pilihanraya di Malaysia. Ia dipengerusikan oleh Dato' Ambiga Sreenevasan, seorang peguambela dan peguamcara yang juga mantan Presiden Majlis Peguam Malaysia.
21. Mengikut perancangan kumpulan ini, perhimpunan yang diadakan di bandaraya Kuala Lumpur pada tarikh berkenaan bertujuan untuk menunjukkan sokongan terhadap tuntutan mereka. Bagi tujuan tersebut, Gabungan ini telah menyeru kepada semua pihak yang menyokong tuntutan tersebut supaya berhimpun di Kuala Lumpur. Seterusnya, peserta perhimpunan telah dilihat berada di sekitar bandaraya Kuala Lumpur seawal jam 8.00 pagi pada hari berkenaan, iaitu pada 9 Julai 2011.
22. Dari segi taburan para peserta, boleh dikatakan tidak terdapat satu lokasi khusus yang dijadikan matlamat bagi perhimpunan berkenaan. Malah tidak diketahui secara jelas bagaimana pihak penganjur melakukan penyelarasan bagi pergerakan para peserta. Bagaimanapun, terdapat beberapa lokasi yang boleh disifatkan menjadi tumpuan perhimpunan berkenaan, seperti KL Sentral, Pasar Seni, Dataran Maybank, Jalan Petaling, Jalan Tun Perak dan beberapa lokasi lain di kawasan yang berhampiran. Selain itu, mereka kelihatannya tidak statik, sebaliknya bergerak ke sana ke mari di sekitar kawasan yang dinyatakan di atas.
23. Berdasarkan aduan yang diterima serta temubual yang diadakan dengan saksi-saksi yang tampil memberi keterangan, Panel telah memutuskan untuk memberi fokus secara khusus, antara lain kepada pelanggaran terhadap hak asasi manusia yang didakwa telah dilakukan oleh anggota PDRM di kawasan-kawasan sekitar Hospital Tung Shin, Hospital Bersalin Cina, Puduraya, Menara Maybank, Jalan Pudu, Jalan Travers, KL Sentral dan kawasan persekitaran Bangunan Maju Junction.

## **BAB 3**

### **PELANGGARAN HAK ASASI SEBELUM PERHIMPUNAN BERSIH 2.0**

Dato' Ambiga Sreenevasan (W26)

24. Dato' Ambiga Sreenevasan, yang selepas ini akan disebut sebagai (W26) merupakan Pengerusi BERSIH 2.0. Berdasarkan kedudukan tersebut, W26 mendakwa beliau telah menerima berbagai ancaman, termasuk ugutan bunuh dari individu yang tidak dikenali, begitu juga gangguan daripada beberapa pihak termasuklah individu persendirian, PDRM dan dari sesetengah pemimpin kerajaan.
25. W26 juga mendakwa, laporan media telah menonjolkan beliau dalam konteks yang salah dan ianya telah mengganggu privasi serta keselamatan diri dan keluarga beliau. Bagi menyokong dakwaan tersebut, W26 telah memberi beberapa contoh, antaranya bagaimana alamat rumah persendirian beliau telah disiarkan oleh sebuah stesyen televisyen tempatan. Antara contoh lain ialah panggilan telefon yang bersifat ugutan yang telah dibuat oleh individu yang tidak dikenali. Malah beberapa kenyataan yang berdasarkan fakta yang tidak tepat telah disiarkan oleh sesetengah media tempatan. Selanjutnya, W26 menjelaskan bahawa gangguan-gangguan berkenaan telah menimbulkan rasa tidak selesa bagi dirinya sendiri serta keluarga hingga merasakan bahawa diri mereka berada dalam bahaya. Akibatnya beliau terpaksa menggunakan khidmat pengawal peribadi.
26. Selanjutnya W26 mendakwa bahawa usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak, termasuk media arus perdana untuk memburuk-burukkan dengan pelbagai cara dan fitnah. Usaha tersebut, menurut beliau lagi, bukan sahaja menjejaskan kedudukan beliau sebagai seorang pemimpin pergerakan, tetapi juga secara tidak langsung memberikan tanggapan negatif terhadap perhimpunan BERSIH 2.0 yang akan diadakan itu. Sebagai bahan bukti W26 telah mengumpulkan sebanyak 287 artikel yang pernah disiarkan oleh media yang kebanyakannya dianggap telah menimbulkan persepsi negatif terhadap beliau sendiri dan juga terhadap perhimpunan BERSIH 2.0. Kesemua artikel tersebut telah diserahkan oleh



W26 kepada Panel sebagai bahan bukti bagi menyokong kenyataan beliau itu tadi.

Ding Jo Ann (W31)

27. Pernyataan W26 sepertimana di atas telah disokong oleh Ding Jo Ann (W31). Beliau adalah seorang penyelidik media yang telah melakukan kajian terhadap berita-berita yang diterbitkan oleh empat (4) media arus perdana dari 25 Jun sehingga 11 Julai 2011. Hasil kajian W31 tersebut telah diserahkan kepada Panel sebagai bahan bukti kepada keterangan yang beliau lakukan dalam pendengaran yang berkaitan.
28. Sehubungan dengan itu, W31 menyatakan bahawa berdasarkan kajian beliau, kebanyakan artikel yang disiarkan mengenai perhimpunan BERSIH 2.0 adalah merupakan artikel-artikel yang tidak memberi pandangan yang seimbang terhadap perhimpunan BERSIH 2.0. Malah, ia mungkin akan menimbulkan tanggapan yang salah di kalangan masyarakat umum terhadap perhimpunan berkenaan.
29. W31 seterusnya menerangkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab media untuk menyalurkan informasi yang seimbang. Selain itu segala maklumat yang disampaikan seharusnya mengandungi maklumat yang lengkap, begitu juga kesahihan berita yang disiarkan perlu dipastikan.

## **PENEMUAN**

30. Setelah meneliti semua rekod dan keterangan yang telah diberikan, Panel berpendapat bahawa bahan yang disiarkan oleh media, terutamanya media arus perdana telah menggambarkan perhimpunan BERSIH 2.0 sebagai satu gerakan yang akan menimbulkan kekacauan. Sebagai contoh, *New Straits Times* di dalam satu artikel yang disiarkan pada 13 Jun 2011 memuatkan pendapat beberapa Ahli Parlimen Bebas yang menyuarakan pandangan mereka bahawa tujuan perhimpunan tersebut adalah tidak sihat dan akan mengancam keselamatan

dalam negara. Pendapat yang sama juga terkandung di dalam satu artikel yang dimuatkan di *Utusan Malaysia* bertarikh 22 Jun 2011 di mana individu-individu yang ditemubual mengatakan bahawa mereka mewakili masyarakat umum dan berpendapat bahawa perhimpunan BERSIH 2.0 akan menimbulkan huru-hara dan sekaligus menimbulkan ancaman terhadap keselamatan negara.

31. Selain itu, terdapat usaha dari pelbagai pihak untuk menafikan W26 dari menyuarakan pendapat beliau. Usaha-usaha ini, antara lain telah mencerminkan W26 sebagai seorang rakyat yang tidak menghormati Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara. Panel ingin menarik perhatian kepada artikel yang telah diserahkan oleh W26 kepada panel seperti yang disiarkan oleh *Berita Minggu* pada 26 Jun 2011 di mana artikel ini, antara lain mengatakan bahawa sebagai seorang peguam, W26 seharusnya mengetahui peruntukan undang-undang dan tindakan W26 untuk menganjurkan perhimpunan BERSIH 2.0 adalah secara terang-terangan dengan sengaja melanggar undang-undang berkaitan perhimpunan.
32. Panel juga berpendapat, penyiaran butiran peribadi yang dikatakan oleh W26 mungkin akan menimbulkan isu keselamatan kepada W26 sendiri dan keluarga beliau.
33. Begitu juga liputan media tidak dibuat secara menyeluruh di mana isu-isu dan intipati pergerakan BERSIH 2.0 tidak disiarkan secara neutral dan seimbang. Kebanyakan dari berita yang dilaporkan hanya berpihak kepada satu pihak dan tidak memberi maklumat yang menyeluruh kepada masyarakat. Panel berpendapat bahawa telah berlaku ketidak seimbangan penyiaran berita dan juga penilaian yang sewajarnya terhadap isu-isu yang berkaitan dengan perhimpunan BERSIH 2.0.

## **SYOR-SYOR**

34. Di sini Panel ingin menegaskan bahawa Suruhanjaya dan Panel sendiri mengakui dan menghormati kebebasan media untuk menyiarkan apa sahaja berita yang difikirkan layak dan menyuarakan apa sahaja pendapat yang dirasakan sesuai. Tetapi Panel juga berpendapat bahawa media haruslah lebih bertanggungjawab dan perlu menyiarkan berita yang seimbang dan dipastikan kesahihannya. Pihak pengurusan terutamanya penyunting haruslah lebih peka dan sentiasa memastikan kesahihan berita yang akan disiarkan.
35. Media seharusnya menyiarkan berita secara neutral dan memberikan maklumat yang penuh tentang sesuatu isu atau perkara tanpa memihak kepada mana-mana pihak. Liputannya juga haruslah dibuat secara tidak bias, berat sebelah dan prejudis. Begitu juga segala fakta berkenaan isu yang dibincangkan haruslah disiarkan untuk membantu masyarakat membuat penilaian sendiri. Ini adalah kerana media memainkan peranan yang penting dalam membantu masyarakat membuat penilaian yang betul terhadap apa-apa perkara atau isu, iaitu dengan membekalkan kepada masyarakat umum maklumat yang benar serta tepat dan dengan penuh tanggungjawab.
36. Panel juga mengambil maklum bahawa media mempunyai tanggungjawab untuk merekod, mendokumen dan melaporkan peristiwa yang menarik perhatian orang ramai. Di dalam memenuhi tanggungjawab ini, Panel berpendapat bahawa pengamal-pengamal media haruslah melunaskan tanggungjawab tersebut secara professional dan beretika.
37. Begitu juga hak untuk mendapat keselamatan dan kebebasan dari gangguan haruslah diambil kira dalam apa-apa penyiaran yang dilakukan oleh media. Sebarang maklumat tidak berkenaan yang mungkin akan menimbulkan isu keselamatan seperti alamat rumah dan nombor telefon persendirian mana-mana individu haruslah dielakkan dari disiarkan.

## **BAB 4**

### **PELANGGARAN HAK ASASI SEMASA PERHIMPUNAN BERSIH 2.0**

Hanafi bin Hawari (W4)

38. Hanafi bin Hawari (W4) menyatakan bahawa semasa beliau berada di hadapan bangunan Maju Junction pada kira-kira jam 3 petang pada 9 Julai 2011, beliau telah dikejar oleh sekumpulan anggota PDRM di mana beliau telah ditangkap dan dipukul semasa tangkapan dibuat. W4 menyatakan bahawa semasa tangkapan dibuat, beliau menyertai perhimpunan berkenaan dan memakai baju berwarna kuning yang berkait dengan perhimpunan BERSIH 2.0. W4 mengatakan bahawa beliau sedang bersiap untuk bersurai selepas mendengar arahan dari PDRM untuk bersurai tetapi beliau telah dikejar dan ditangkap sebelum sempat bersurai.
39. W4 menyatakan bahawa semasa beliau ditangkap, beliau telah dimaki dan dipukul oleh anggota PDRM yang melakukan tangkapan tersebut. W4 juga tidak dimaklumkan alasan penangkapan beliau.
40. W4 juga menyatakan bahawa beliau telah dimaki dengan menggunakan kata-kata kesat dan disembur dengan semburan lada sulah oleh anggota-anggota PDRM semasa dibawa ke kenderaan PDRM dan juga semasa berada di dalam kenderaan PDRM. Walau bagaimanapun, W4 tidak dapat mengenalpasti anggota-anggota yang didakwa melakukan perkara-perkara tersebut.
41. ASP Aron a/l Din Chean (W5) yang bertugas sebagai ketua pasukan tangkapan di kawasan bangunan Maju Junction menyatakan bahawa W4 telah ditangkap kerana menyertai perhimpunan berkenaan dan memakai baju yang dikaitkan dengan perhimpunan BERSIH 2.0.
42. Konstabel Shahril bin Fadzali (W15) merupakan salah seorang anggota PDRM yang menangkap W4. W15 menyatakan bahawa beliau melihat W4 terjatuh semasa cuba mengelakkan diri dari ditangkap dan kecederaan yang dialami oleh W4 adalah disebabkan W4 jatuh semasa cuba melarikan diri.

43. W5 juga mengesahkan bahawa walaupun beliau tidak melihat W4 sebelum tangkapan dibuat, beliau tidak nampak sebarang senjata dibawa oleh mana-mana individu yang berkumpul berhampiran bangunan Maju Junction.
44. Dr Abd Adzim E Arim Sasi (W14) merupakan doktor yang telah merawat W4 pada jam 2.00 pagi, 10 Julai 2011. W14 menyatakan bahawa W4 mengalami calar di bahagian muka di sebelah kiri dan kanan serta pendarahan di bahagian mata kiri. Beliau telah membuat lakaran berkenaan kecederaan W4 dan telah diserahkan kepada Panel. W14 menyatakan bahawa kecederaan W4 adalah tidak serius dan ianya disebabkan oleh pergeseran anggota badan yang berkenaan dengan permukaan kasar. W14 juga menyatakan bahawa tidak terdapat sebarang bukti yang menunjukkan kecederaan tersebut dilakukan oleh anggota-anggota yang melakukan tangkapan.
45. Selain dari keterangan oleh saksi W5, W14 dan W15, tiada sebarang saksi, gambar atau rakaman video menunjukkan kejadian tangkapan W4 oleh PDRM.

#### **Yap Jee Kit**

46. Yap Jee Kit (W11) menyatakan bahawa beliau dan sekumpulan peserta yang lain telah memasuki kawasan Hospital Bersalin Cina (HBC) untuk mencari tempat berlindung apabila tembakan gas pemedih mata dan meriam air dilepaskan oleh FRU di sekitar jalan Pudu pada kira-kira jam 3 petang.
47. W11 bersama beberapa individu yang lain mengambil keputusan untuk membuat rantai tangan untuk mencegah mereka dari ditangkap. W11 menyatakan bahawa sekumpulan anggota Polis telah merempuh dan menangkap mereka dan di dalam proses penangkapan, W11 mendakwa kepala beliau telah dipukul dengan baton, ditendang dan ditolak secara kasar ke tanah dan baju beliau telah ditarik ke atas dan digunakan untuk menutup kepala beliau untuk mengelakkan beliau dari melihat.

48. W11 mengatakan bahawa ketika itu beliau telah disepak beberapa kali dan merayu supaya tidak dipukul tetapi tidak diendahkan walaupun beliau tidak melawan. W11 juga mendakwa beliau telah disepak oleh seorang anggota Polis dan menerima cacian daripada beberapa anggota PDRM semasa dibawa ke tempat pengumpulan tangkapan di hadapan Menara Maybank.
49. W11 mengatakan bahawa beliau tidak dapat mengenali anggota-anggota yang didakwa melakukan kekasaran dan mencerca beliau kerana walaupun mereka lengkap berpakaian seragam tetapi tidak ada tanda nama atau nombor pengenalan.
50. W11 tidak mengemukakan sebarang laporan perubahan untuk menyokong keterangan beliau di mana W11 hanya mengemukakan gambar-gambar yang menunjukkan kecederaan kepada Panel.

Fayyadh Afiq Albakqry

51. Fayyadh Afiq Albakqry (W27) menyatakan bahawa beliau bertugas sebagai pengawal peribadi seorang individu yang menyertai perhimpunan berkenaan. W27 menyatakan bahawa semasa mengiringi individu berkenaan melalui kawasan perhentian bas di bahagian bawah KL Sentral, beliau telah terkena kelongsong gas pemedih mata yang dikatakan ditembak ke arah individu berkenaan. W27 menganggarkan bahawa jarak penembak dan beliau adalah sekitar 50 meter.
52. W27 mengalami kecederaan di bahagian muka dan kecederaan ini disahkan oleh Dr Mohd Nor bin Awang (W28), perunding pakar di dalam bidang *Oral dan MaxilloFacial*. W28 menyatakan bahawa berdasarkan keadaan luka yang berbentuk bulat pada muka W27 dan juga keretakan tulang pada tulang pipi yang dialami oleh W27, kecederaan tersebut adalah konsisten dengan hentaman kuat oleh objek tumpul yang dilepaskan dengan menggunakan kuasa yang kuat dan di dalam situasi ini berkemungkinan besar adalah berpunca dari hentaman dengan kelongsong gas pemedih mata. W28 juga menyatakan bahawa sekiranya hentaman tersebut mengenai bahagian tengkorak ianya mungkin akan menyebabkan kematian.

53. ACP Wan Abdul Bari bin Wan Abdul Khalid (W25) adalah Pegawai Medan kawasan berkenaan pada hari tersebut. W25 menyatakan bahawa tembakan gas pemedih mata dibuat untuk menyuraikan peserta-peserta perhimpunan dan bukannya untuk mencederakan peserta.

## **PENEMUAN**

54. Melalui keterangan W4 dan W11, mereka menyertai perhimpunan berkenaan untuk menyuarakan pendapat mereka berkenaan isu-isu yang dibangkitkan oleh BERSIH 2.0.
55. W4 telah ditangkap kerana memakai baju yang dikaitkan dengan perhimpunan BERSIH 2.0.
56. W4 tidak dimaklumkan sebab tangkapan oleh pihak PDRM.
57. W4 mengalami kecederaan di bahagian anggota badan seperti yang dinyatakan dan disokong oleh laporan perubatan dan tidak menerima sebarang rawatan sepanjang tempoh penahanan beliau.
58. Tiada saksi bebas dapat menyokong kenyataan W4 dan W11 bahawa mereka telah disembur dengan semburan lada sulah atau dimaki dengan kata-kata kesat oleh anggota-anggota PDRM.
59. Melalui kenyataan saksi-saksi, W4 tidak bertindak agresif dan hanya menggunakan hak beliau untuk berhimpun dan bersuara. Perlakuan yang berada di dalam sekumpulan peserta tidak menunjukkan beliau bertindak agresif dan atau bakal mencetuskan huru-hara. Saksi juga menyatakan bahawa tiada senjata dapat dilihat dibawa oleh mana-mana peserta termasuklah W4.
60. Berdasarkan kenyataan saksi-saksi dan laporan perubatan, W4 dan W11 (kecuali W11 tidak mengemukakan laporan perubatan) telah mengalami kecederaan tetapi tidak dapat dibuktikan dengan jelas kerana tiada saksi lain yang dapat

- memberitahu Panel bagaimana kecederaan itu terjadi dan pelaku yang menyebabkan kecederaan tersebut. Panel mengambil maklum kecederaan tersebut terjadi semasa tangkapan dibuat.
61. W28 telah menyatakan bahawa W27 mengalami patah di tulang muka sebelah kiri. Tulang tersebut telah pecah dan berkecai. Panel juga mengambil maklum pendapat pakar W28 bahawa kuasa yang menyebabkan kecederaan itu cukup kuat untuk menyebabkan kecederaan yang lebih serius sekiranya mengenai bahagian yang lebih lembut dan tidak dilindungi oleh tulang.
  62. Panel tidak dapat membuat kesimpulan samada pihak PDRM telah menggunakan kekerasan yang melampau semasa melakukan tangkapan dan menyebabkan kecederaan terhadap W4 dan W11.
  63. Panel berpendapat bahawa terdapat kemungkinan besar bahawa kecederaan pada W27 adalah disebabkan terkena kelongsong gas pemedih mata yang ditembak oleh PDRM di kawasan KL Sentral.
  64. Panel mengambil maklum bahawa arahan W25 adalah untuk melakukan tembakan ke arah bawah tetapi melalui rakaman video yang dibekalkan kepada Panel menunjukkan terdapat seorang anggota melepaskan tembakan gas pemedih mata ke arah yang berlainan dengan arahan yang diberikan oleh W25.

## **SYOR-SYOR**

### **Kebebasan Berhimpun dan Menyuarakan Pendapat**

65. Peserta-peserta haruslah diberikan ruang untuk berhimpun secara aman dan menyuarakan pendapat mereka.
66. Panel menyedari tugas PDRM untuk menjaga keselamatan negara tetapi segala aktiviti pihak berkuasa haruslah mengambil kira hak-hak individu dan memastikan



hak-hak yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara dapat diamalkan oleh individu-individu ini.

67. Pegawai dan anggota PDRM yang melakukan tugas rasmi haruslah menggunakan pengenalan diri seperti tanda nama dan nombor badan sepanjang tempoh rasmi tugas. Ini akan memudahkan proses pengenalan diri dan juga proses cam dapat dijalankan sekiranya terdapat dakwaan terhadap mana-mana pegawai dan anggota PDRM.

### **Kecederaan terhadap Hanafi bin Hawari, Yap Jee Kit dan Fayyadh Afiq Akbakary**

68. Panel berpendapat bahawa anggota-anggota yang melakukan tangkapan haruslah lebih berhati-hati dan mengelakkan dari menggunakan kekerasan sekiranya tidak diperlukan. Penggunaan kekerasan haruslah bertepatan dan berkadar dengan tahap bahaya situasi semasa tangkapan.
69. Sebagai penguatkuasa undang-undang dan menerima latihan secara khusus, PDRM haruslah menunjukkan sikap professional yang tinggi dan mampu menerima tekanan di dalam menghadapi isu-isu yang berkaitan dengan tugas mereka. Dalam konteks ini, latihan dan penilaian berterusan haruslah diadakan oleh pihak yang bertanggungjawab.
70. Tindakan disiplin ataupun undang-undang haruslah dikenakan terhadap mana-mana Pegawai ataupun anggota yang telah melakukan atau menyebabkan kecederaan terhadap W27.
71. Rawatan segera haruslah diberikan kepada individu-individu yang cedera semasa proses penahanan dibuat. Kakitangan perubatan haruslah ditempatkan di lokasi untuk melakukan penilaian perubatan dan memberi rawatan di lokasi. Untuk kecederaan yang serius, individu yang ditahan seharusnya dibawa terlebih dahulu untuk mendapatkan rawatan perubatan sebelum proses penahanan dilakukan oleh PDRM.

## **Penggunaan Kekerasan oleh Pihak PDRM untuk Melakukan Tangkapan terhadap Muhammad bin Sabu**

72. Dalam kes ini Muhammad bin Sabu (W6), dalam keterangannya kepada Panel menyatakan bahawa beliau telah memasuki kawasan Kuala Lumpur dengan tujuan untuk menyertai perhimpunan BERSIH 2.0 pada 9 Julai 2011. Menurut beliau lagi, pada sekitar pukul 1.00 petang beliau telah membonceng sebuah motosikal menuju ke Masjid Negara untuk menunaikan solat Zohor.
73. W6 seterusnya menyatakan beliau telah dilanggar oleh sebuah kereta Proton Waja di sekitar Jalan Travers. Akibat daripada pelanggaran tersebut beliau telah terjatuh dan mengalami kecederaan parah sehingga memerlukan pembedahan. Mengikut W6 lagi, beliau hanya menyedari bahawa kenderaan tersebut adalah milik PDRM setelah pelanggaran tersebut benar-benar berlaku.
74. Selanjutnya W6 menyatakan beliau tidak pernah mendengar sebarang arahan untuk beliau berhenti yang dibuat oleh mana-mana pegawai atau anggota Polis yang menahan beliau sebelum pelanggaran tersebut berlaku.
75. Mohd Zulkifli bin Abdul Halim (W7), pemandu motosikal tersebut, juga melalui kenyataan yang dibuat di hadapan Panel menyokong kenyataan W6 dengan sedikit pembetulan, iaitu pelanggaran tersebut sebenarnya berlaku di Bukit Persekutuan dan bukannya Jalan Travers.
76. Saksi-saksi dari PDRM, iaitu ASP Kamal Khan bin Mohd Sharif (W8) dan Lans Koperal Muhamad Fauzi bin Mustafa (W9) sebaliknya menyatakan bahawa mereka telah memperkenalkan diri mereka sebagai pegawai dan anggota PDRM kepada W6 dan W7, dan telah beberapa kali mengeluarkan arahan kepada mereka melalui isyarat tangan dan laungan, bermula dari Jalan Travers sehingga lokasi pelanggaran supaya memberhentikan kenderaan tetapi tidak diendahkan.
77. Selanjutnya W9 mengatakan bahawa beliau telah melakukan sekatan dengan menggunakan kereta yang mempunyai lambang PDRM untuk menghalang W6 dan W7 dari melarikan diri. Mengikut keterangan W9 lagi, kenderaan yang dinaiki

oleh W6 dan W7 telah melanggar bahu jalan sebelum berlanggar dengan kenderaan PDRM yang dipandu oleh W9.

78. W8 pula menyatakan beliau menyedari W6 mengalami kecederaan di bahagian lutut kanan semasa di lokasi tangkapan. Beliau lalu memaklumkan hal tersebut kepada Dr Nurul Azlean binti Norzah (W12) yang memberikan rawatan kepada W6 di Balai Polis Jinjang. W12 menyatakan beliau telah mengesyorkan supaya W6 dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk menerima rawatan lanjut dan ini telah disahkan oleh W6 sendiri.
79. W12 juga menyatakan tidak terdapat kesan kotoran seperti pasir atau tanah di bahagian yang cedera. Berdasarkan kepada keadaan tersebut beliau berpendapat bahawa kecederaan berkenaan berkemungkinan terjadi akibat pelanggaran dengan permukaan keras dan bukannya pergeseran dengan permukaan seperti itu.
80. Dr Abang Askandar Kamel Basrull bin Abang Bruce (W18), Dr Ankimtey anak Rutel (W13) dan W12 yang memberikan rawatan kepada W6 mengesahkan kecederaan yang dialami oleh W6 adalah disebabkan pelanggaran dengan objek tumpul. W18 juga telah melakukan pembedahan ke atas W6 untuk merawat kecederaan yang dialami oleh W6.

## **PENEMUAN**

81. W6 mengalami kecederaan di bahagian lutut semasa proses penahanan oleh PDRM dan rawatan perubatan telah diberikan apabila W6 dibawa ke Balai Polis Jinjang dan seterusnya dibawa ke HKL.
82. Panel mengambil maklum keterangan W12 bahawa tidak terdapat kesan kotoran seperti pasir atau tanah di bahagian yang cedera dan W12 berpendapat bahawa kecederaan tersebut berkemungkinan terjadi akibat pelanggaran dengan permukaan keras dan bukannya pergeseran dengan permukaan yang keras. Panel bersetuju dengan pendapat professional W12. Keterangan ini menyokong

penyataan W6 bahawa kecederaan itu berlaku akibat terkena kenderaan PDRM sebelum W6 jatuh ke jalan.

83. Panel berpendapat, kecederaan W6 berpunca daripada pelanggaran dengan kenderaan PDRM. Walau bagaimanapun tidak terdapat bukti konklusif mengenai cara pelanggaran itu berlaku, sama ada kenderaan PDRM telah melanggar W6 dan W7 atau W6 dan W7 sendiri yang melanggar kereta berkenaan dalam usaha mereka untuk mengelakkan diri dari ditangkap atau pelanggaran tersebut berlaku dengan begitu saja tanpa sesiapa yang melakukannya dengan sengaja.

### **SYOR-SYOR**

84. Panel berpendapat bahawa walaupun PDRM mempunyai kuasa dan sebab yang sah di sisi undang-undang untuk melakukan tangkapan, cara yang digunakan untuk melaksanakan penahanan terhadap mana-mana individu haruslah bersesuaian dengan kesalahan.
85. Prinsip hak asasi dan keselamatan terhadap anggota mahupun individu yang hendak ditahan haruslah diutamakan di mana satu garis panduan haruslah diwujudkan oleh PDRM mengenai cara-cara yang boleh digunakan oleh anggota-anggota PDRM dalam melakukan tangkapan.
86. Rawatan segera haruslah diberikan kepada mana-mana individu yang ditahan. Pegawai atau anggota yang melakukan tangkapan juga sepatutnya membuat penilaian yang objektif di mana sekiranya kecederaan berkemungkinan besar berlaku semasa proses penahanan, bantuan perubatan haruslah diberikan dengan segera.

### **Hospital Tung Shin (HTS) DAN Hospital Bersalin Cina (HBC)**

87. Dr Ng Kwee Boon (W22) menyatakan bahawa beliau bertugas di Hospital Tung Shin pada 9 Julai 2011. Pada kira-kira jam 2.30 hingga 3.00 petang, beliau berada di kawasan tempat letak kereta HTS. W22 mengatakan bahawa beliau melihat Yang

Berhormat Sivarasa Rasiah sedang bercakap dengan beberapa Pegawai PDRM dan kemudiannya YB R Sivarasa dilihat ditahan oleh PDRM. W22 kemudiannya mengatakan bahawa beliau melihat tembakan gas pemedih mata dan meriam air dilepaskan di sekitar Jalan Pudu dan W22 dapat merasakan kesan gas pemedih mata ketika itu. W22 mengatakan bahawa wap tembakan gas pemedih mata memasuki kawasan HTS dan tembakan meriam air mengenai perkarangan HTS dan tempat letak kereta berbumbung HTS.

88. W22 menyatakan bahawa kira-kira jam 4.00 petang, tembakan meriam air sekali lagi telah dilepaskan ke arah HTS dan tembakan gas pemedih mata telah memasuki perkarangan HTS. W22 juga menyaksikan pihak PDRM telah mengejar peserta-peserta perhimpunan dan memasuki perkarangan HTS. W22 menyatakan bahawa beliau melihat beberapa peserta dipukul oleh anggota-anggota Polis yang melakukan tangkapan berkeenaan. Walau bagaimanapun, W22 tidak cam anggota-anggota yang didakwa melakukan kekerasan tersebut.
89. Yap Jee Kit (W11) juga menyatakan bahawa beliau merasakan kesan gas pemedih mata dan yang dilepaskan oleh PDRM di sekitar jalan Pudu pada kira-kira jam 3 petang dan beliau telah lari ke HBC untuk mencari perlindungan dan W11 juga melihat kelongsong gas pemedih mata di tempat letak kereta HBC.
90. W11 yang ditangkap di HBC menyatakan bahawa rupa bentuk bumi di HBC menyebabkan tiada akses untuk peserta bersurai.
91. ASP Halimi bin Hamidi (W21) adalah merupakan Pegawai Operasi yang bertanggungjawab di dalam menyelia dan menilai penggunaan meriam air. W21 menyatakan bahawa sebagai garisan panduan am, penggunaan gas pemedih mata dan meriam air tidak boleh digunakan dalam kawasan-kawasan sensitif seperti rumah ibadat dan hospital. Walau bagaimanapun, W21 menyatakan bahawa beliau tidak diberi sebarang taklimat tentang kewujudan kawasan berkepentingan awam seperti Hospital dan tempat ibadat di sekitar kawasan operasi pada 9 Julai 2011. W21 menyatakan bahawa beliau hanya menyedari kewujudan HTS selepas tembakan meriam air dilakukan buat kali pertama di kawasan HTS pada kira-kira jam 3.13 petang.

92. W21 juga menyatakan bahawa walaupun beliau telah melihat tanda nama HTS tetapi beliau diarahkan oleh ASP Karthik Karthikeyan a/l Wassu (W30) untuk meneruskan tembakan meriam air di kawasan berkenaan untuk meleraikan peserta perhimpunan.
93. W30 menafikan bahawa beliau memberi arahan kepada W21 untuk meneruskan tembakan meriam air dan menyatakan bahawa beliau hanyalah pegawai yang diarahkan untuk melaporkan sebarang kejadian di kawasan Jalan Pudu.
94. W21 menyatakan bahawa setelah membuat penilaian bahawa sekiranya peserta-peserta perhimpunan tidak disuraikan, peserta akan berhimpun semula dan keadaan mungkin akan menjadi tidak terkawal. W21 telah mengarahkan supaya tembakan meriam air yang dicampur dengan gas pemedih mata digunakan pada jam 3.13 petang selepas arahan untuk bersurai diberikan sebanyak tiga (3) kali dan W21 berpendapat bahawa arahan tersebut telah diberikan secara terang dan jelas.
95. W21 mengatakan bahawa tembakan menggunakan meriam air sememangnya memasuki kawasan HTS tetapi tembakan tersebut tidak disengajakan berdasarkan beberapa faktor:
- i. Peserta lari memasuki HTS
  - ii. W21 tidak mengetahui terdapat hospital di kawasan berkenaan
  - iii. Kenderaan meriam air adalah uzur dan lapisan plastik di cermin kenderaan yang lama menyukarkan pegawai-pegawai yang membuat penilaian melihat keadaan sebenar di luar kenderaan.
96. Inspektor Norhisham bin Razali (W17) merupakan pegawai pengawal di dalam kenderaan meriam air turut mengakui bahawa tembakan meriam air memasuki kawasan perkarangan HTS tetapi tidak kena bangunan HTS yang menempatkan pesakit-pesakit. W17 menyatakan bahawa sebaik sahaja beliau menyedari kewujudan HTS, beliau telah memberi arahan supaya tembakan meriam air

- dihentikan dan menutup 'valve' saluran air dan memaklumkan perkara berkenaan kepada W21.
97. Sarjan Izlan bin Salim (W19) yang merupakan operator meriam air di kenderaan berkenaan juga mengatakan bahawa tembakan meriam air memasuki perkarangan HTS tetapi tembakan diberhentikan selepas menyedari dan menerima arahan untuk berhenti melakukan tembakan meriam air.
  98. W21, W17 dan W19 bersetuju bahawa faktor-faktor yang dinyatakan di perenggan 95 merupakan punca tembakan meriam air memasuki perkarangan HTS.
  99. Zailani bin Hashim (W20) yang merupakan Setiausaha *Siasatan Dalaman Kementerian Kesihatan Malaysia – Dakwaan Insiden Tembakan Gas Pemedih Mata & Semburan air di Hospital Tung Shin, Kuala Lumpur* menyatakan bahawa siasatan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati bahawa tembakan meriam air memasuki perkarangan HTS dan HBC tetapi tidak memasuki bangunan utama hospital. Walau bagaimanapun, W20 mengatakan bahawa terdapat kenyataan saksi Siasatan Dalaman KKM yang mengatakan bahawa kesan gas pemedih mata dapat dirasai di bangunan utama.
  100. W20 juga menyatakan bahawa siasatan KKM mendapati bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak pengurusan HTS telah meminimalkan kesan gas pemedih mata yang dilepaskan oleh PDRM di kawasan berkenaan.

## **PENEMUAN**

101. Berdasarkan pernyataan saksi-saksi dan klip-klip video, adalah didapati tembakan meriam air memasuki perkarangan HTS tetapi tidak dapat dipastikan samada tembakan meriam air memasuki atau kena bangunan utama yang menempatkan pesakit.
102. W21 mengakui bahawa beliau telah melihat dan mengetahui kewujudan HTS dan HBC tetapi tetap menggunakan meriam air untuk menyuraikan peserta dan tembakan meriam air ini dipercayai telah memasuki perkarangan HTS dan HBC.

- Panel juga memandang berat tembakan gas pemedih mata di sekitar HTS dan HBC. Walaupun tiada bukti kukuh yang menunjukkan gas pemedih mata dilepaskan di dalam perkarangan HTS dan HBC, Panel berpendapat kesan gas pemedih mata dapat dirasai dan masuk ke dalam bangunan utama HTS.
103. Panel berpendapat bahawa walaupun tiada bukti dikemukakan bahawa gas pemedih mata dilepaskan ke dalam perkarangan HTS, gas pemedih mata yang dilepaskan di sekitar Jalan Pudu berkemungkinan besar memasuki HTS dimana kesan tersebut dirasakan oleh W22 dan juga W11 yang ditangkap di HBC yang terletak bersebelahan dengan HTS. Panel juga berpendapat bahawa tembakan meriam air dan gas pemedih mata telah dilepaskan dari kedua arah bertentangan dan ini menyebabkan peserta perhimpunan tersepit dan mengalami kesukaran untuk bersurai.
  104. Kenderaan meriam air yang digunakan oleh PDRM adalah lama dan meninggikan risiko keselamatan dan kecuaiian kepada pegawai dan anggota PDRM yang mengendalikan kenderaan. Faktor ini juga mempengaruhi penilaian pegawai dan mungkin menyebabkan kelambatan pegawai bertanggungjawab membuat keputusan.
  105. Terdapat keraguan berkenaan tiadanya taklimat yang diberikan kepada unit-unit yang bertugas di sekitar kawasan berkenaan mengenai kewujudan kawasan-kawasan yang mempunyai kepentingan awam seperti hospital, sekolah dan tempat ibadat. Setiap pegawai dan anggota yang bertugas di kawasan tersebut mestilah diberi taklimat dan dimaklumkan tentang maklumat-maklumat penting.
  106. Panel merasakan bahawa tindakan PDRM untuk mengejar peserta sehingga ke HTS dan HBC adalah tidak wajar kerana peserta telah terkepung dan tidak mempunyai peluang untuk beredar dan bersurai.
  107. Menurut W21, arahan telah datang dari pelbagai pihak atasan dan ini telah menimbulkan kekeliruan dan Panel berpendapat bahawa kekeliruan ini telah menyumbang kepada penembakan meriam air ke perkarangan HTS dan HBC.



## **SYOR-SYOR**

108. Pegawai yang bertanggungjawab haruslah memastikan bahawa setiap unit yang menjalankan tugas di mana-mana kawasan haruslah diberikan taklimat yang menyeluruh terutamanya berkenaan tempat-tempat kepentingan awam dan sebarang tindakan yang diambil haruslah mengambil kira tempat-tempat ini.
109. Panel menyedari struktur dan hirarki PDRM di mana mana-mana pegawai atasan boleh memberi arahan kepada pegawai bawahan tetapi untuk mengelakkan percanggahan arahan dan ketelusan arahan yang diberikan, Panel mengesyorkan supaya arahan hanya boleh diberikan oleh Pegawai Medan dan sekiranya tugas ini diberikan kepada mana-mana pegawai lain, ianya haruslah dilakukan secara rasmi dan mengikut prosedur yang diamalkan oleh PDRM.
110. Penggunaan sebarang alat terutamanya yang diklasifikasikan sebagai senjata yang mungkin menimbulkan risiko keselamatan seharusnya tidak dibenarkan di dalam mahupun di sekitar kawasan berkepentingan awam seperti hospital dan sekolah.

## **Penggunaan Gas Pemedih Mata di Kawasan di KL Sentral**

111. Maria Chin Abdullah (W24), Dato' Ambiga Sreenevasan (W26) dan Fayyadh Afiq Albakry (W27) telah menyatakan bahawa tembakan gas pemedih mata telah dilepaskan terhadap peserta-peserta perhimpunan yang berada di bahagian bawah tempat menunggu bas KL Sentral yang agak bertutup. Tembakan gas pemedih mata ini telah menyebabkan keadaan huru-hara di mana kawasan ini tidak mempunyai ruang udara yang cukup di samping kekurangan cahaya dan akses untuk bersurai.
112. W24 DAN W26 menyatakan bahawa peserta yang berada di lokasi berkenaan tidak membawa apa-apa senjata dan tidak menunjukkan sikap agresif. W26 telah menyerahkan klip video berkenaan keadaan di lokasi semasa peserta melalui kawasan tersebut.

113. W24 dan W27 menyatakan bahawa tembakan gas pemedih mata dilepaskan dari arah hadapan dan juga belakang dan ini telah menimbulkan kemungkinan ancaman kepada nyawa para peserta perhimpunan.
114. ACP Wan Abdul Bari bin Wan Abdul Khalid (W25) menyatakan bahawa tembakan gas pemedih mata telah dilepaskan dari bahagian hadapan apabila terdapat beberapa peserta perhimpunan menyerbu ke arah PDRM. W25 juga menyatakan bahawa arahan dan amaran kepada peserta untuk bersurai telah diberikan dengan menggunakan pembesar suara.
115. W25 menyatakan bahawa arahan jelas telah diberikan supaya tembakan tersebut ditujukan ke arah bawah supaya tidak menyebabkan kecederaan kepada peserta akibat terkena kelongsong gas pemedih mata.
116. W27 menyatakan bahawa tembakan tersebut ditujukan ke arah peserta perhimpunan dan kecederaan yang dialami oleh W27 terjadi akibat terkena kelongsong gas pemedih mata. Pernyataan ini disokong oleh rakaman video yang dibekalkan kepada Panel dan juga keterangan yang diberikan oleh W27.
117. Inspektor Mohd Suhaibi bin Sulong (W29) yang mengetuai unit yang berada di bahagian bertentangan dengan W25 mengakui bahawa tembakan dilepaskan oleh unit beliau apabila melihat peserta-peserta perhimpunan berlari ke arah beliau dan tidak mengendahkan arahan beliau untuk berhenti. W29 mengatakan bahawa beliau tidak mengetahui bahawa tembakan gas pemedih mata telah dilepaskan di bahagian yang bertentangan oleh unit yang diketuai oleh W25.
118. Pernyataan saksi-saksi awam ini dan juga pihak PDRM disokong oleh beberapa rakaman video yang diserahkan kepada Panel turut menyokong pernyataan-pernyataan yang telah dikemukakan kepada Panel.

## **PENEMUAN**

119. Melalui rakaman-rakaman video yang telah diserahkan oleh W26, Panel berpendapat bahawa peserta perhimpunan tidak bersikap agresif dimana sebuah kenderaan PDRM yang dipandu melintasi peserta tidak diapa-apakan dan peserta dilihat memberi laluan kepada kenderaan berkenaan dan peserta dilihat tidak membawa sebarang senjata.
120. Panel mendapati bahawa tembakan gas pemedih mata telah dilepaskan oleh PDRM dari dua arah yang bertentangan dan ini telah menimbulkan kemungkinan kecederaan atau kematian terhadap peserta-peserta perhimpunan yang berada di kawasan berkenaan.
121. Terdapat juga rakaman yang dibekalkan kepada Panel menunjukkan terdapat seorang anggota telah tidak menembak ke arah bawah dan berkemungkinan telah menyebabkan kecederaan kepada W27.
122. Panel juga telah mengadakan lawatan ke tempat yang dinyatakan dan membuat pemerhatian bahawa ruang tempat menunggu bas tersebut adalah separuh tertutup dan akses untuk peserta-peserta perhimpunan bersurai secara teratur dan selamat adalah terbatas di mana hanya terdapat satu tangga dan satu eskalator untuk keluar dari ruang ini.
123. Faktor gas pemedih mata yang memasuki ruang separuh tertutup dan juga kekurangan akses untuk keluar di lokasi berkenaan menyebabkan para peserta tidak dapat bersurai dengan selamat.
124. Terdapat kemungkinan bahawa tembakan yang dilepaskan dari arah belakang oleh satu unit PDRM dilakukan berpunca dari tiada komunikasi yang jelas diantara unit-unit yang bertugas di kawasan berkenaan.
125. Melalui rakaman yang diserahkan, Panel mendapati terdapat sebilangan kecil peserta bertekad untuk meneruskan perjalanan mereka manakala hampir kesemua peserta yang lain berada di dalam keadaan statik.

## **SYOR-SYOR**

126. Walaupun terdapat bukti beberapa peserta perhimpunan menyerbu ke arah pihak PDRM, Panel berpendapat bahawa cara yang digunakan untuk menyuraikan peserta di kawasan KL Sentral tidak bersesuaian kerana faktor lokasi dan keadaan kawasan tersebut. Cara penyuraian yang digunakan oleh PDRM haruslah bersesuaian dengan risiko keselamatan terhadap peserta, orang ramai yang kebetulan berada di lokasi berkenaan mahupun kepada PDRM sendiri.
127. Penggunaan gas pemedih mata atau sebarang cara lain untuk menyuraikan peserta yang boleh menyebabkan atau meningkatkan risiko kecederaan di kawasan yang tertutup seharusnya tidak dibenarkan.
128. PDRM haruslah memastikan bahawa setiap Unit yang bertugas di kawasan yang sama berkomunikasi dan setiap tindakan oleh unit yang lain diketahui oleh unit yang lain.

## **BAB 5**

### **RINGKASAN PENEMUAN DAN SYOR PANEL**

- i. Laporan Media
- ii. Perhimpunan Awam

#### **PENEMUAN: LAPORAN MEDIA**

129. Setelah meneliti semua rekod dan keterangan yang telah diberikan, Panel berpendapat bahawa bahan yang disiarkan oleh media, terutamanya media arus perdana telah menggambarkan perhimpunan BERSIH 2.0 sebagai satu gerakan yang akan menimbulkan kekacauan. Sebagai contoh, *New Straits Times* di dalam satu artikel yang disiarkan pada 13 Jun 2011 memuatkan pendapat beberapa Ahli Parlimen Bebas yang menyuarakan pandangan mereka bahawa tujuan perhimpunan tersebut adalah tidak sihat dan akan mengancam keselamatan di dalam negara. Pendapat yang sama juga terkandung di dalam satu artikel yang dimuatkan di *Utusan Malaysia* bertarikh 22 Jun 2011 di mana individu-individu yang ditemubual mengatakan bahawa mereka mewakili masyarakat umum dan mereka berpendapat bahawa perhimpunan BERSIH 2.0 akan menimbulkan huru-hara dan sekaligus menimbulkan ancaman terhadap keselamatan negara.
130. Selain itu terdapat usaha dari pelbagai pihak untuk menafikan W26 dari menyuarakan pendapat beliau. Usaha-usaha ini, antara lain telah mencerminkan W26 sebagai seorang rakyat yang tidak menghormati Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara. Panel ingin menarik perhatian kepada artikel yang telah diserahkan oleh W26 kepada panel seperti yang disiarkan oleh *Berita Minggu* pada 26 Jun 2011 di mana artikel ini, antara lain mengatakan bahawa sebagai seorang peguam, W26 seharusnya mengetahui peruntukan undang-undang dan tindakan W26 untuk menganjurkan perhimpunan BERSIH 2.0 adalah secara terang-terangan dengan sengaja melanggar undang-undang berkaitan perhimpunan.

131. Panel juga berpendapat, penyiaran butiran peribadi yang dikatakan oleh W26 mungkin akan menimbulkan isu keselamatan kepada W26 sendiri dan keluarga beliau.
132. Begitu juga liputan oleh media yang tidak dibuat secara menyeluruh di mana isu-isu dan intipati pergerakan BERSIH 2.0 tidak disiarkan secara neutral dan seimbang. Kebanyakan dari berita yang dilaporkan hanya berpihak kepada satu pihak dan tidak memberi maklumat yang menyeluruh kepada masyarakat. Panel berpendapat bahawa telah berlaku ketidakseimbangan penyiaran berita dan juga penilaian yang sewajarnya terhadap isu-isu yang berkaitan dengan perhimpunan BERSIH 2.0.

#### **PENEMUAN: PERHIMPUNAN AWAM**

133. Melalui keterangan W4 dan W11, mereka menyertai perhimpunan berkenaan untuk menyuarakan pendapat mereka berkenaan isu-isu yang dibangkitkan oleh BERSIH 2.0.
134. W4 telah ditangkap kerana memakai baju yang dikaitkan dengan perhimpunan BERSIH 2.0.
135. W4 tidak dimaklumkan sebab tangkapan oleh pihak PDRM.
136. W4 mengalami kecederaan di bahagian anggota badan seperti yang dinyatakan dan disokong oleh laporan perubatan dan tidak menerima sebarang rawatan sepanjang tempoh penahanan beliau.
137. Tiada saksi bebas dapat menyokong kenyataan W4 dan W11 bahawa mereka telah disembur dengan semburan lada sulah atau dimaki dengan kata-kata kesat oleh anggota-anggota PDRM.
138. Melalui kenyataan saksi-saksi, W4 tidak bertindak agresif dan hanya menggunakan hak beliau untuk berhimpun dan bersuara. Perlakuan yang berada di dalam sekumpulan peserta tidak menunjukkan beliau bertindak agresif dan atau bakal

mencetuskan huru-hara. Saksi juga menyatakan bahawa tiada senjata dapat dilihat dibawa oleh mana-mana peserta termasuklah W4.

139. Berdasarkan kenyataan saksi-saksi dan laporan perubatan, W4 dan W11 (kecuali W11 tidak mengemukakan laporan perubatan) telah mengalami kecederaan tetapi tidak dapat dibuktikan dengan jelas kerana tiada saksi lain yang dapat memberitahu Panel bagaimana kecederaan itu terjadi dan pelaku yang menyebabkan kecederaan tersebut. Panel mengambil maklum kecederaan tersebut terjadi semasa tangkapan dibuat.
140. W28 telah menyatakan bahawa W27 mengalami patah di tulang muka sebelah kiri. Tulang tersebut telah pecah dan berkecai. Panel juga mengambil maklum pendapat pakar W28 bahawa kuasa yang menyebabkan kecederaan itu cukup kuat untuk menyebabkan kecederaan yang lebih serius sekiranya mengenai bahagian yang lebih lembut dan tidak dilindungi oleh tulang.
141. Panel tidak dapat membuat kesimpulan sama ada pihak PDRM telah menggunakan kekerasan yang melampau semasa melakukan tangkapan dan menyebabkan kecederaan terjadap W4 dan W11.
142. Panel berpendapat bahawa terdapat kemungkinan besar bahawa kecederaan pada W27 adalah disebabkan terkena kelongsong gas pemedih mata yang ditembak oleh PDRM di kawasan KL Sentral.
143. Panel mengambil maklum bahawa arahan W25 adalah untuk melakukan tembakan ke arah bawah tetapi melalui rakaman video yang dibekalkan kepada Panel menunjukkan terdapat seorang anggota melepaskan tembakan gas pemedih mata kearah yang berlainan dengan arahan yang diberikan oleh W25.
144. W6 mengalami kecederaan di bahagian lutut semasa proses penahanan oleh PDRM dan rawatan perubatan telah diberikan apabila W6 dibawa ke Balai Polis Jinjang dan seterusnya dibawa ke HKL.

145. Panel mengambil maklum keterangan W12 bahawa tidak terdapat kesan kotoran seperti pasir atau tanah di bahagian yang cedera dan W12 berpendapat bahawa kecederaan tersebut berkemungkinan terjadi akibat pelanggaran dengan permukaan keras dan bukannya pergeseran dengan permukaan yang keras. Panel bersetuju dengan pendapat professional W12. Keterangan ini menyokong pernyataan W6 bahawa kecederaan itu berlaku akibat terkena kenderaan PDRM sebelum W6 jatuh ke jalan.
146. Panel berpendapat, kecederaan W6 berpunca dari pelanggaran dengan kenderaan PDRM. Walau bagaimanapun tidak terdapat bukti konklusif mengenai cara pelanggaran itu berlaku, samada kenderaan PDRM telah melanggar W6 dan W7 atau W6 dan W7 sendiri yang melanggar kereta berkenaan dalam usaha mereka untuk mengelakkan diri dari ditangkap atau pelanggaran tersebut berlaku dengan begitu saja tanpa sesiapa yang melakukannya dengan sengaja.
147. Berdasarkan pernyataan saksi-saksi dan rakaman video, adalah didapati bahawa tembakan meriam air telah memasuki perkarangan HTS tetapi tidak dapat dipastikan sama ada tembakan meriam air memasuki atau terkena bangunan utama yang menempatkan pesakit.
148. W21 mengakui bahawa beliau telah melihat dan mengetahui kewujudan HTS dan HBC tetapi tetap menggunakan meriam air untuk menyuraikan peserta dan tembakan meriam air ini dipercayai telah memasuki perkarangan HTS dan HBC. Panel juga memandangi berat tembakan gas pemedih mata di sekitar HTS dan HBC. Walaupun tiada bukti kukuh yang menunjukkan gas pemedih mata dilepaskan di dalam perkarangan HTS dan HBC, Panel berpendapat kesan gas pemedih mata dapat dirasai dan masuk ke dalam bangunan utama HTS.
149. Panel berpendapat bahawa walaupun tiada bukti dikemukakan bahawa gas pemedih mata dilepaskan ke dalam perkarangan HTS, gas pemedih mata yang dilepaskan di sekitar Jalan Pudu berkemungkinan besar memasuki HTS di mana kesan tersebut dirasakan oleh W22 dan juga W11 yang ditangkap di HBC yang terletak bersebelahan dengan HTS. Panel juga berpendapat bahawa tembakan



meriam air dan gas pemedih mata telah dilepaskan dari kedua arah bertentangan dan ini menyebabkan peserta perhimpunan tersepit dan mengalami kesukaran untuk bersurai.

150. Kenderaan meriam air yang digunakan oleh PDRM adalah lama dan meninggikan risiko keselamatan dan kecuiaan kepada pegawai dan anggota PDRM yang mengendalikan kenderaan. Faktor ini juga mempengaruhi penilaian pegawai dan mungkin menyebabkan kelambatan pegawai bertanggungjawab membuat keputusan.
151. Terdapat keraguan berkenaan tiadanya taklimat yang diberikan kepada unit-unit yang bertugas di sekitar kawasan berkenaan mengenai kewujudan kawasan-kawasan yang mempunyai kepentingan awam seperti hospital, sekolah dan tempat ibadat dimana maklumat-maklumat penting haruslah ditaklimatkan kepada setiap pegawai dan anggota yang bertugas di kawasan tersebut.
152. Panel merasakan bahawa tindakan PDRM untuk mengejar peserta sehingga ke HTS dan HBC adalah tidak wajar kerana peserta telah terkepung dan tidak mempunyai peluang untuk beredar dan bersurai.
153. Menurut W21, arahan telah datang daripada pelbagai pihak atasan dan ini telah menimbulkan kekeliruan dan Panel berpendapat bahawa kekeliruan ini telah menyumbang kepada penembakan meriam air ke perkarangan HTS dan HBC.
154. Melalui rakaman-rakaman video yang telah diserahkan oleh W26, Panel berpendapat bahawa peserta perhimpunan tidak bersikap agresif dimana sebuah kenderaan PDRM yang dipandu melintasi peserta tidak diapa-apakan dan peserta dilihat memberi laluan kepada kenderaan berkenaan dan peserta dilihat tidak membawa sebarang senjata.
155. Panel mendapati bahawa tembakan gas pemedih mata telah dilepaskan oleh PDRM dari dua arah yang bertentangan dan ini telah menimbulkan kemungkinan

kecederaan atau kematian terhadap peserta-peserta perhimpunan yang berada di kawasan berkenaan.

156. Terdapat juga rakaman yang dibekalkan kepada Panel menunjukkan terdapat seorang anggota telah tidak menembak ke arah bawah dan berkemungkinan telah menyebabkan kecederaan kepada W27.
157. Panel juga telah mengadakan lawatan ke tempat yang dinyatakan dan membuat pemerhatian bahawa ruang tempat menunggu bas tersebut adalah separuh tertutup dan akses untuk peserta-peserta perhimpunan bersurai secara teratur dan selamat adalah terbatas di mana hanya terdapat satu tangga dan satu eskalator untuk keluar dari ruang ini.
158. Faktor gas pemedih mata yang memasuki ruang separuh tertutup dan juga kekurangan akses untuk keluar di lokasi berkenaan menyebabkan para peserta tidak dapat bersurai dengan selamat.
159. Terdapat kemungkinan bahawa tembakan yang dilepaskan dari arah belakang oleh satu unit PDRM dilakukan berpunca dari tiada komunikasi yang jelas di antara unit-unit yang bertugas di kawasan berkenaan.
160. Melalui rakaman yang diserahkan, Panel mendapati terdapat sebilangan kecil peserta bertekad untuk meneruskan perjalanan mereka manakala hampir kesemua peserta yang lain berada di dalam keadaan statik.

## **SYOR-SYOR: LAPORAN MEDIA**

161. Di sini Panel ingin menegaskan penghormatan Suruhanjaya dan Panel sendiri terhadap kebebasan media untuk menyiarkan apa saja berita yang difikirkan layak dan menyuarakan apa saja pendapat yang dirasakan sesuai. Tetapi Panel juga berpendapat bahawa media haruslah lebih bertanggungjawab dan perlu menyiarkan berita yang seimbang dan dipastikan kesahihannya. Pihak pengurusan terutamanya penyunting haruslah lebih peka dan sentiasa memastikan kesahihan berita yang akan disiarkan.
162. Media seharusnya menyiarkan berita secara neutral dan memberikan maklumat yang penuh tentang sesuatu isu atau perkara tanpa memihak kepada mana-mana pihak. Liputannya pula haruslah diberikan secara sama rata tanpa berpihak kepada mana-mana pihak. Begitu juga segala fakta berkenaan isu yang dibincangkan haruslah disiarkan untuk membantu masyarakat membuat penilaian sendiri. Kerana media memainkan peranan yang penting dalam membantu masyarakat membuat penilaian yang betul terhadap apa-apa perkara atau isu, iaitu dengan membekalkan kepada mereka maklumat yang benar dan tepat dengan penuh tanggungjawab.
163. Panel juga mengambil maklum bahawa media mempunyai tanggungjawab untuk merekod, mendokumen dan melaporkan peristiwa yang menarik orang ramai. Di dalam memenuhi tanggungjawab ini, Panel berpendapat bahawa pengamal-pengamal media haruslah melunaskan tanggungjawab tersebut secara professional dan beretika.
164. Begitu juga hak untuk mendapat keselamatan dan kebebasan dari gangguan haruslah diambil kira dalam apa-apa penyiaran yang dilakukan oleh media. Sebarang maklumat tidak berkenaan yang mungkin akan menimbulkan isu keselamatan seperti alamat rumah dan nombor telefon persendirian mana-mana individu haruslah dielakkan dari disiarkan.

## **SYOR-SYOR: PERHIMPUNAN AWAM**

165. Peserta-peserta haruslah diberikan ruang untuk berhimpun secara aman dan menyuarakan pendapat mereka.
166. Panel menyedari tugas PDRM untuk menjaga keselamatan negara tetapi segala aktiviti pihak berkuasa haruslah mengambil kira hak-hak individu dan memastikan hak-hak yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara dapat diamalkan oleh individu-individu ini.
167. Pegawai dan anggota PDRM yang melakukan tugas rasmi haruslah menggunakan pengenalan diri seperti tanda nama dan nombor badan sepanjang tempoh rasmi tugas. Ini akan memudahkan proses pengenalan diri dan juga proses untuk cam dijalankan sekiranya terdapat dakwaan terhadap mana-mana pegawai dan anggota PDRM.
168. Panel berpendapat bahawa anggota-anggota yang melakukan tangkapan haruslah lebih berhati-hati dan mengelakkan dari menggunakan kekerasan sekiranya tidak diperlukan. Penggunaan kekerasan haruslah bertepatan dan berkadar dengan tahap bahaya situasi semasa tangkapan
169. Sebagai penguatkuasa undang-undang dan menerima latihan secara khusus, PDRM haruslah menunjukkan sikap professional yang tinggi dan mampu menerima tekanan di dalam menghadapi isu-isu yang berkaitan dengan penugasan mereka. Di dalam konteks ini, latihan dan penilaian berterusan haruslah diadakan oleh pihak yang bertanggungjawab.
170. Tindakan disiplin ataupun undang-undang haruslah dikenakan terhadap mana-mana Pegawai ataupun anggota yang melakukan atau menyebabkan kecederaan terhadap W27.
171. Rawatan segera haruslah diberikan kepada individu-individu yang cedera semasa proses penahanan dibuat. Kakitangan perubatan haruslah ditempatkan di lokasi untuk melakukan penilaian perubatan dan memberi rawatan di lokasi. Untuk

- kecederaan yang serius, individu yang ditahan seharusnya dibawa untuk mendapatkan rawatan lanjut sebelum pemprosesan penahanan dilakukan oleh PDRM.
172. Panel berpendapat bahawa walaupun PDRM mempunyai kuasa dan sebab yang sah disisi undang-undang untuk melakukan tangkapan, cara yang digunakan untuk melaksanakan penahanan terhadap mana-mana individu haruslah bersesuaian dengan kesalahan.
  173. Prinsip hak asasi dan keselamatan terhadap anggota mahupun individu yang hendak ditahan haruslah diutamakan dimana satu garis panduan haruslah diwujudkan oleh PDRM mengenai cara-cara yang boleh digunakan oleh anggota-anggota PDRM di dalam melakukan tangkapan.
  174. Pegawai yang bertanggungjawab haruslah memastikan bahawa setiap unit yang menjalankan tugas di mana-mana kawasan haruslah diberikan taklimat yang menyeluruh terutamanya berkenaan tempat-tempat kepentingan awam dan sebarang tindakan yang diambil haruslah mengambil kira tempat-tempat ini.
  175. Panel menyedari struktur dan hirarki PDRM -- mana-mana pegawai atasan boleh memberi arahan kepada pegawai bawahan; tetapi untuk mengelakkan percanggahan arahan dan ketelusan arahan yang diberikan, Panel mengesyorkan supaya arahan hanya boleh diberikan oleh Pegawai Medan dan sekiranya tugas ini diberikan kepada mana-mana pegawai lain, ianya haruslah dilakukan secara rasmi dan mengikut prosedur yang diamalkan oleh PDRM.
  176. Penggunaan sebarang alat terutamanya yang diklasifikasikan sebagai senjata yang mungkin menimbulkan risiko keselamatan seharusnya tidak dibenarkan di dalam mahupun di sekitar kawasan berkepentingan awam seperti hospital dan sekolah.
  177. Walaupun terdapat bukti beberapa peserta perhimpunan menyerbu ke arah pihak PDRM, Panel berpendapat bahawa cara yang digunakan untuk menyuraikan peserta di kawasan KL Sentral tidak bersesuaian kerana faktor lokasi dan keadaan

kawasan tersebut. Cara penyuraian yang digunakan oleh PDRM haruslah bersesuaian dengan risiko keselamatan terhadap peserta, orang ramai yang kebetulan berada di lokasi berkenaan mahupun kepada anggota PDRM sendiri.

178. Penggunaan gas pemedih mata atau sebarang cara lain untuk menyuraikan peserta yang boleh menyebabkan atau meningkatkan risiko kecederaan di kawasan yang tertutup seharusnya tidak dibenarkan.
179. PDRM haruslah memastikan bahawa setiap Unit yang bertugas di kawasan yang sama berkomunikasi dan setiap tindakan oleh unit yang lain diketahui oleh unit yang lain.

Dengan ini disahkan bahawa penemuan dan syor-ayor seperti yang terkandung dalam laporan ini adalah keputusan bersama Ahli-ahli Suruhanjaya yang membentuk Panel Siasatan Awam:

.....  
PROF DATUK DR KHAW LAKE TEE  
(Pengerusi)

.....  
PROF EMERITUS DATO' DR MAHMOOD ZUHDI BIN AB MAJID  
(Ahli)

.....  
DETTA SAMEN  
(Ahli)

TARIKH: 4 MEI 2012